




DidikTV tangani isu capaian internet

Kuala Lumpur: Kewujudan saluran DidikTV alternatif terbaik kepada pelajar dan murid yang menghadapi masalah mendapatkan peranti dan capaian internet terutama bagi di luar bandar dan kurang berkemampuan.

Profesor Datuk Dr Abdul Rashid Mohamed dari Akademi Profesor Malaysia berkata, menerusi saluran pendidikan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dapat menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran Di rumah (PdPR) sesuai dengan keperluan dan kehendak masyarakat, malah ibu bapa juga dapat bersama memantau PdPR anak masing-masing.

"Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana mendengar rungutan pelajar dan ibu bapa serta cadangan ahli akademi tentang penggunaan televisyen sebagai saluran alternatif dalam pendidikan persekolahan.



MOHAMAD Azam Azizi Rosly pelajar SMK Saujana Utama belajar menerusi DidikTV Road to Success SPM 2020-Bahasa Melayu 2.

"Kita tidak nafikan pembelajaran dalam talian mempunyai potensi yang sangat luas, tetapi disebabkan pencapaian internet lemah di banyak kawasan dan harga peranti komputer di luar kemampuan ramai keluarga B40 maka televisyen pendidikan menjadi satu lagi alternatif untuk golongan ini," katanya kepada Harian Metro.

Katanya, capaian televisyen lebih menyeluruh memandangkan hampir semua isi rumah memilikinya sebagai satu alat penyampaian maklumat dan hiburan.

"Penggunaan televisyen


memungkinkan bakat guru terbaik dapat dimanfaatkan sebaik mungkin oleh semua pelajar dan sekolah di negara ini.

"Penampilan guru ketika menyampaikan pengajaran dalam televisyen juga lebih nyata kerana visualnya lebih jelas dan suasananya mirip seperti dalam kelas.

"Teknik pengajaran televisyen ini juga mampu menarik minat pelajar terhadap topik atau subjek yang sedang diajar kerana lebih bersifat interaktif jika digabungkan dengan semua alat bantu audio dan visual lain seperti gambar, carta, filem,



MAISARAH Sofea, 15, membantu adiknya Maira Syamimah, 10, belajar di rumah dengan menonton DidikTV KPM di ntv7.



NUR Khairunnazmi, 10, dan Nur Khairunniza Nasuha, 8, menjalani pembelajaran menerusi DidikTV yang disediakan Pusat Komuniti Desa Serting Ilir.

slaid mikro, grafik serta projektor," katanya.

Bagaimanapun, beliau tidak menyaran TV Pendidikan sebagai pengganti kepada pembelajaran kelas fizikal atau pembelajaran maya selain hanya sebagai saluran alternatif dan tambahan bagi melancarkan PdPR sedia ada.

"Televisyen tidak mempunyai kontak individu maka tindakan selanjutnya tidak mungkin boleh dilakukan selain daripada melihat dan mendengar, namun ini dapat diatasi dengan mengadakan perbincangan kumpulan antara guru dan pelajar selepas program sama ada melalui WhatsApp, e-mel dan platform lain.

"Selain itu, terdapat juga perbezaan dalam latar belakang intelektual pelajar, namun masalah ini dapat diatasi apabila guru memberikan maklumat latar belakang tambahan sebelum program ini bermula bagi membolehkan semua pelajar bersedia mengikuti sesi pembelajaran.

"Saya juga menyaran TV pendidikan menyediakan program khas (sampingan) seperti pernah dilakukan dalam *programmed learning*," katanya.